

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENGESAHAN KEPATUHAN SYARIAH PELAN PEMASARAN LAZZ AIN MARKETING SDN BHD (1176843-V)

أحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وأصحابه أجمعين

Segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas baginda Nabi Muhammad ﷺ, keluarga baginda ﷺ dan para sahabatnya.

Setelah dilakukan semakan dan perbincangan terperinci berkenaan pelan pemasaran yang dibentangkan oleh pihak pengurusan yang merangkumi perkara berikut:

- a) Latar belakang syarikat
- b) Produk tawaran
- c) Kontrak, kedudukan dan hubungan agen dengan syarikat
- d) Sistem kelayakan dan pembayaran bonus/insentif
- e) Polisi, garis panduan, terma dan syarat

Dengan ini, sekadar kemampuan dan kefahaman pihak kami, semua perkara di atas adalah **DISAHKAN** mematuhi hukum dan prinsip Syariah. Dengan pengesahan ini, pihak pengurusan dan agen mestilah mematuhi semua syarat dan garis panduan yang telah diputuskan.

Penyemakan dari semasa ke semasa akan dijalankan demi memastikan pelaksanaan pelan pemasaran Lazz Ain Marketing Sdn. Bhd. sentiasa menepati hukum syarak. Kami juga dengan ini tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang pindaan ke atas pelan pemasaran tanpa pengetahuan dan pengesahan pihak kami. Kami juga tidak bertanggungjawab ke atas salah laku mana-mana individu daripada syarikat atau agen dalam menjalankan aplikasi pelan.

Pengesahan ini adalah eksklusif bagi pelan pemasaran yang digunakan oleh Lazz Ain Marketing Sdn. Bhd. serta tidak terpakai bagi mana-mana pihak lain.

Wallahu 'alam.

2 Safar 1443H bersamaan 9 September 2021



SYAFIQ NADZMI ZAINUL ABIDIN
Eksekutif Syariah,
Elzar Shariah Solution Sdn. Bhd.



DR. ZAHARUDDIN ABD RAHMAN
Pengerusi,
Elzar Shariah Solution Sdn. Bhd.